

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Institut Pengurusan Kualiti
Sent: 18 Mei 2016 9:33
To: UUM - All Staff
Cc: UUM - Bahagian Perancangan Korporat
Subject: IPQ BENTANG PENCAPAIAN SUKU PERTAMA 2016 PELAN STRATEGIK FASA II (2016-2020)




Institut Pengurusan Kualiti
INSTITUTE OF QUALITY MANAGEMENT
Universiti Utara Malaysia



18 MEI 2016/ 11 SYAABAN 1437H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)



IPQ BENTANG PENCAPAIAN SUKU PERTAMA 2016 PELAN STRATEGIK FASA II (2016-2020)

IPQ ONLINE: Bahagian Perancangan Korporat (BPK), Institut Pengurusan Kualiti (IPQ) telah membentangkan pencapaian suku pertama Pelan Strategik UUM Fasa II, 2016 bertempat di Bilik Mesyuarat Senat, pada 17 Mei 2016. Pembentangan suku pertama ini dipengerusikan oleh YBrs. Prof. Dr. Noor Azizi Ismail, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi).

Dalam ucapan pembukaan, Prof. Dr. Aziz menegaskan bahawa Pelan Strategik Fasa II ini lebih mencabar kerana fokus pencapaiannya adalah untuk menaikkan ranking UUM di peringkat antarabangsa terutamanya dalam penarafan ranking QS dan THE, selain Webometrics dan UI GreenMetric. Beliau menyeru semua PTJ memberi perhatian serius terhadap semua KPI dan PI yang telah ditetapkan.

“Secara khususnya penyelidikan yang dijalankan harus bergerak ke arah mencapai impak yang tinggi. Hal ini hanya akan tercapai melalui konsep kepertanggungjawaban dalam menjalankan penyelidikan dan bukan semata-mata untuk melengkapkan sasaran yang ditetapkan. Melalui penyelidikan yang berkualiti inilah akan melahirkan penerbitan yang berimpak tinggi,” ujar beliau lagi.

Sementara itu Pengarah IPQ, Prof Madya Dr. Haim Hilman Abdullah dalam mensyuarat menjelaskan *strategic posture* Pelan Strategik UUM terdiri daripada empat teras iaitu *Enhance Scholarship & Internationalization*, *Human Capital Development & Talent Management*, *Develop Holistic Student*, dan *Wealth Creation*. Meliputi 6 Bidang Keberhasilan Utama (KRA), 7 Strategik Objektif, 12 Strategi, 16 Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dan 219 Petunjuk Prestasi (PI).

Beliau melaporkan 43% petunjuk prestasi telah mencapai indikator hijau, 3% kuning, 23% merah, dan 31% hitam. Pada sukuan pertama ini, sebanyak 78% data dikumpul secara manual dan 22% secara *pre-realtime*. Beliau juga merakamkan ucapan terima kasih kepada semua PTJ yang terlibat dalam proses pengumpulan data secara manual dalam pembentangan ini kerana *Strategic Planning Information System 2.0* (SPIS 2.0) masih dalam proses pembangunan. “IPQ dengan kerjasama UUMIT dalam proses menyiapkan pembangunan *Strategic Planning Information System 2.0* (SPIS 2.0) yang akan menjadi platform dalam proses semakan data, ketepatan data dan *real time data*” ujarnya.

Pembentangan pencapaian berasaskan teras dimulai oleh Teras 1a: *Enhance Scholarship & Internationalization (Research, Consultation & Publication)* yang dibentangkan oleh Dr. Mohd Faizal Omar; Teras 1b: *Enhance Scholarship & Internationalization (Academic)* oleh Prof. Madya Dr. Huda Hj Ibrahim; Teras 2: *Human Capital Development & Talent Management* oleh En. Baharuddin Yaacob; Teras 3: *Develop Holistic Student* oleh Dr. Mohd Dino Khairri Shariffuddin, dan Teras 4: *Wealth Creation* oleh Pn. Elyani Ahmad.

Turut hadir dalam sesi pembentangan ini ialah YBrs. Prof. Madya Dr. Abdul Malek Abdul Karim, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni).

IPQ sebagai sekretariat Pelan Strategik merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada semua PTJ yang terlibat dalam proses pengumpulan dan semakan data bagi pelaporan Pelan Strategik suku pertama 2016 kali ini.

Tamat.